

## **Bab 6**

# **ANALISIS KONTRASTIF FONEM- FONEM BMS DAN BPS**

### **6.0. Pengenalan**

Melalui hasil rakaman telah sedia dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah sebutan semasa menyebut sesuatu bunyi yang hanya wujud dalam B2 tetapi tidak wujud dalam B1. Jadi, untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang persamaan dan perbezaan yang wujud dalam B1 dan B2 satu analisis kontrastif telah dilakukan. Analisis kontrastif ini dilakukan berdasarkan model struktural .

### **6.1. Analisis Kontrastif Konsonan**

Kebanyakan fonem konsonan yang hadir dalam sistem fonologi BMS dan BPS mempunyai cara dan daerah artikulasi yang serupa. Namun, terdapat juga fonem-fonem yang wujud dalam sistem konsonan BMS dan BPS sahaja. (rujuk rajah 12).

Fonem konsonan yang hadir dalam BMS dan BPS ialah plosif bilabial /p/, /b/, plosif velar /k/, /g/, frikatif labio-dental /f/, /v/, nasal bilabial /m/, nasal

Rajah 12 : Sistem Konsonan BMS Dan BPS

Daerah Pengeluaran		Bilabial		Labio-Dental		Dental		Alveolar		Palatal Alveolar		Palatal		Velar		Glotal		Uvular		Labiodental	
Cara Pengeluaran		BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS
Plosif	TBS	p	p				t		t					k	k	ʔ					
(letupan)	BS	b	b				d		d					g	g						
Afrikat	TBS									ʃ											
(letupan)	BS									j											
Frikatif	TBS			f	f	θ	s		s												
(geseran)	BS			v	v	ð	z		z			ʃ	ʃ	x	x	h					
Nasal	TBS											ʒ	ʒ	ɣ	ɣ						
	BS	m	m					n	n			ɲ	ɲ	ŋ	ŋ						
Lateral	TBS																				
	BS							l	l												
Gelaran	TBS																				
	BS							r	r									R			
Separuh Vokal	BS											j	j							w	w

Diubahsuai daripada: Wang Zeng Yang, Lições De Português Elementar (1988: 133)  
Yunus Maris, The Malay Sound System (1980: 52)  
Abdullah Hassan, Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia (1987:83)

Petunjuk: TBS: Tidak Bersuara  
BS : Bersuara

alveolar /n/, nasal palatal /ɲ /, lateral alveolar /l/, getaran alveolar /r/, separuh vokal palatal /j/ dan separuh vokal labio-velar /w/.

Fonem yang terdapat dalam sistem konsonan BMS sahaja ialah plosif glotal /ʔ/, frikatif dental /θ /, /ð /, frikatif velar /x /, /ɣ / dan frikatif glotal /h /. Sebaliknya fonem yang terdapat dalam BPS sahaja ialah frikatif palatal /ʒ/, lateral palatal /λ /, getaran uvular /R / .

Fonem-fonem konsonan BMS dan BPS yang hampir sama tetapi perbezaannya terletak pada daerah artikulasi semasa menyebut adalah seperti yang berikut:

- a) plosif alveolar [t], [d] dalam BMS tetapi dalam BPS ialah plosif dental [t], [d] .
- b) Frikatif alveolar [s], [z] dalam BMS tetapi dalam BPS ialah frikatif dental [s], [z] .
- c) Frikatif palatal alveolar [ʃ] dalam BMS tetapi dalam BPS ialah frikatif palatal [ʝ].

### **6.1.1. Analisis Fonem Konsonan Plosif BMS Dan BPS**

Konsonan plosif /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /g/ hadir dalam BMS dan BPS. Konsonan plosif glotal /ʔ/ hadir dalam BMS tetapi tidak hadir dalam BPS. (rujuk rajah 13). Secara amnya, pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah semasa menyebut konsonan plosif seperti yang tersenarai di atas kerana fonem-fonem ini tidak merupakan fonem asing bagi mereka.

Rajah 13:Fonem Konsonan Plosif BMS dan BPS

Daerah Cara Pengeluaran		Bilabial		Dental		Alveolar		Velar		Glotal	
		BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS
Plosif	TBS	p	p		t	t		k	K	ʔ	
	BS	b	b		d	d		g	g		

Nota: TBS: Tidak Bersuara  
BS : Bersuara

Walaupun [t] dan [d] merupakan plosif alveolar dalam BMS tetapi adalah plosif dental dalam BPS. Namun, pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah untuk menyebut [t], [d].

Dari segi penyebaran , semua plosif BMS dan BPS hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata melainkan /p/ tidak hadir pada posisi akhir kata dalam BPS. Begitu juga dengan plosif /t/, /d/ tidak hadir pada akhir kata. Namun, dalam BMS kedua-dua plosif /p/, /b/ dan /t/, /d/ hadir pada posisi akhir kata. Dalam BMS dan BPS kedua-dua plosif /k/, /g/ tidak hadir pada posisi akhir BMS dan BPS tetapi dalam kata pinjaman BMS plosif /k/, /g/ hadir pada posisi akhir contoh politik /politik/ dan katalog /katalog/. Contoh :

a) Fonem Konsonan Plosif Bilabial /p/, /b/

BMS

/p/ - /pamah/  
pamah

/lipas/  
lipas

/lahap/  
lahap

/b/ - /bandar /  
bandar

/gabah /  
gabah

/səbab /  
sebab



BPS

/p/- / pizu/	/ kɔpu /
<i>piso</i>	<i>copo</i>
(aras)	(cawan)

/b/- / brɛvɔ/	/ bebe/	/sob/
<i>breve</i>	<i>bebê</i>	<i>sob</i>
(ringkas)	(bayi)	(di bawah)

b) Fonem Konsonan Plosif Alveolar /t/, /d / BMS; Plosif Dental /t/, /d/ BPS

BMS

/t/- / tadi/	/ patuh/	/ padat/
tadi	patuh	padat
/ d/ - /dadah /	/badam/	/ sujud/
dadah	badam	sujud

BPS

/t/- /tɔbɛlɔ /	/ tã tu /
<i>tabela</i>	<i>tanto</i>
( jadual )	( terlalu banyak )
/ d / - / dãsɔ /	/dedu/
<i>dança</i>	<i>dedu</i>
( tarian )	( jari )

c) Fonem konsonan Plosif Velar /k/, /g/

BMS

/k/ -/kadar/	/ ikat/	/politik/
kadar	ikat	politik
/g/ - /gahar/	/ gigit/	/katalog/
gahar	gigit	katalog

BPS

/ k / - /kõtar/                      /seka/  
                    *contar*                      *seca*  
                    (mengira)                      (kering)

/ g / - / gordu /                      / segar/  
                    *gordo*                      *cegar*  
                    ( gemuk )                      ( buta )

Jadual 6 (i):Kontras Fonem Konsonan Plosif BMS Dan BPS

6.1.2. Analisis Kontrastif Fonem Konsonan Sengau BMS Dan BPS

Terdapat empat fonem konsonan sengau dalam BMS iaitu /m/, /n/, /ɲ/, /ŋ/ tetapi dalam BPS hanya terdapat tiga fonem konsonan sengau sahaja iaitu /m/, /n/, /ɲ/.(rujuk rajah 14)

Rajah 14 Fonem Konsonan Sengau BMS dan BPS

Daerah Cara Pengeluaran		Bilabial		Alveolar		Palatal		Velar	
		BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS
Sengau	TBS								
	BS	m	m	n	n	ɲ	ɲ	ŋ	

Nota: TBS: Tidak Bersuara  
BS : Bersuara

Dari segi penyebaran, terdapat sedikit perbezaan. Dalam BMS, fonem sengau /m/, /n/ dan /ɲ/ hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Fonem

sengau /ɲ/ hadir di posisi awal dan tengah kata. Dalam BPS, fonem sengau /m/ dan /n/ hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata tetapi di posisi akhir kata, fonem sengau /m/ dan /n/ digantikan oleh vokal nasal. Untuk fonem sengau /ɲ/ hanya hadir di posisi tengah kata. Contoh :

a) Fonem Konsonan Sengau Bilabial / m /

BMS

/m/ - /ma <sup>ɰ</sup> jal/	/pamah/	/balam/
majal	pamah	balam

BPS

/m/ - /mɔ̃lu/	/komu/	/kõ/
<i>molho</i>	<i>como</i>	<i>com</i>
(kicap)	(bagaimana)	(dengan)

b) Fonem Konsonan Sengau Alveolar /n/

BMS

/n/- /nakal/	/mãñã/	/saban/
nakal	mana	saban

BPS

/n/ - /nũkα/	/senadu/	/newtrõ/
<i>nunca</i>	<i>senado</i>	<i>neutron</i>
( tidak pernah)	(senat)	(neutron)

c) Fonem Konsonan Sengau Palatal /ɲ/

BMS

/ɲ/ - /ɲala/  
nyala

/ɲuɲut/  
nyunyut

BPS

/ɲ/ - /amaɲã/  
amanhã  
(esok)

/liɲa/  
linha  
(garis)

Jadual 6 (ii): Kontras Fonem Konsonan Sengau BMS Dan BPS

6.1.3. Analisis Kontrastif Fonem Konsonan Frikatif BMS Dan BPS

BMS mempunyai lebih banyak konsonan frikatif daripada BPS. Dalam BMS terdapat sepuluh konsonan frikatif tetapi dalam BPS hanya terdapat enam konsonan frikatif sahaja. (rujuk rajah 15)

Rajah 15: Fonem Konsonan Frikatif BMS dan BPS

Daerah Pengeluaran Cara Pengeluaran		Labio-dental		Dental		Alveolar		Palatal-Alveolar		Palatal		Velar		Glotal	
		BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS	BMS	BPS
Frikatif	TBS	f	f	θ	s	s		ʃ			ʃ	x		h	
	BS	v	v	ð	z	z					ʒ	ɣ			

Nota: TBS: Tidak Bersuara  
BS : Bersuara

Fonem konsonan frikatif yang hadir dalam kedua-dua BMS dan BPS ialah /f/, /v/, /s/, /z/, /ʃ/. Daerah artikulasi adalah sama bagi frikatif labio-dental /f/, /v/ tetapi bagi frikatif /s/, /z/ mempunyai daerah artikulasi yang berlainan umpamanya dalam BMS frikatif alveolar /s/, /z/ dalam BPS pula ialah frikatif dental /s/, /z/. Begitu juga dengan frikatif palatal alveolar /ʃ/ manakala dalam BPS pula ialah frikatif palatal /ʃ/. Selain itu, terdapat frikatif pinjaman lain dalam BMS contoh /θ/, /ð/, /x/, /ɣ/, /h/ yang tidak terdapat dalam BPS.

Dari segi penyebaran , fonem /s/, /f/, dan /z/ dalam BMS hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Fonem /v/ dan /ʃ/ hadir di posisi awal dan tengah kata. Dalam BPS pula, fonem /ʃ/ dan /s/ hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Manakala fonem /f/, /v/ dan /z/ hadir di posisi awal dan tengah kata.

Contoh:

a) Fonem Konsonan Frikatif Labio- dental / f /, / v /

BMS

/f/ - /funʒsi/ fungsi	/lafaz/ lafaz	/wakaf/ wakaf
/v/ - /vila/ vila	/lava/ lava	

BPS

/f/ - /fariŋɑ/ farinha (tepung)	/kɔfɛ/ café (kopi)
---------------------------------------	--------------------------

/v/ - /viŋu/ <i>vinho</i> (arak)	/lavar/ <i>lavar</i> (cuci)
--	-----------------------------------

d) Fonem Konsonan Frikatif Alveolar /s/, /z/ BMS; dental /s/, /z/ BPS

#### BMS

/s/ - /sisir/ sisir	/dasar/ dasar	/nipis/ nipis
/z/ - /zarah/ zarah	/rðzðki/ rezeki	/lafaz/ lafaz

#### BPS

/s/- /sabõw/ <i>sabão</i> (sabun)	/dosð/ <i>doce</i> (manis)	/vɔs/ <i>voz</i> (suara)
/z/ - /zõgadu/ <i>zangado</i> (marah)	/mezα/ <i>mesa</i> (meja)	

c) Fonem Konsonan Frikatif Palatal /ʃ/, /ʒ/

#### BMS

/ʃ/ - /ʃarah/ syarah	/maʃʉl/ masyghul
-------------------------	---------------------

#### BPS

/ʃ/ - /ʃeju/ <i>cheio</i> (penuh)	/aʃar/ <i>achar...</i> (fikir)	/meʃ/ <i>mês</i> (bulan)
---	--------------------------------------	--------------------------------

/ʒ/ - /ʒ̃et̃ə/	/marʒ̃ẽ/
<i>gente</i>	<i>margem</i>
(orang)	(margin)

Jadual 6 (iii): Kontras Fonem Konsonan Frikatif BMS Dan BPS

### 6.1.4. Analisis Kontrastif Fonem Konsonan Lateral BMS Dan BPS

Dalam BMS hanya terdapat satu fonem sisian / lateral iaitu /l/ tetapi dalam BPS terdapat dua konsonan lateral iaitu /l/ dan /λ/. (rujuk rajah 16)

Rajah 16: Fonem Konsonan Lateral

Daerah Cara Pengeluaran Pengeluaran		Alveolar		Palatal	
		BMS	BPS	BMS	BPS
Lateral	TBS				
	BS	l	l		λ

Nota: TBS: Tidak Bersuara  
BS : Bersuara

Dari segi penyebaran, fonem lateral alveolar /l/ dalam BMS hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Dalam BPS /l/ hadir pada posisi awal, tengah dan akhir kata manakala fonem / λ/ hadir di posisi awal dan tengah kata.

Fonem Konsonan Lateral Alveolar /l/ BMS dan BPS

BMS

/l/ - /laga/	/palu/	/tampal/
laga	palu	tampal

BPS

/l/ - /loja/	/maluku/	/futɔbol/
loja	maluco	futebol
(kedai)	(gila)	(bola sepak)

/λ/ - / λe/	/muλɛr/
lhe	mulher
(dia)	(wanita)

Jadual 6 (iv): Kontras Fonem Konsonan Lateral BMS Dan BPS

### 6.1.5. Analisis Kontrastif Fonem Konsonan Getaran Uvular BPS

Dalam sistem fonologi BMS mempunyai /r/ tetapi variasi kepada /r/ iaitu /R/ wujud dalam dialek Bahasa Melayu. /R/ dalam dialek Bahasa Melayu dan /R/ dalam BPS mempunyai cara pengeluaran yang berlainan iaitu dalam dialek Bahasa Melayu, /R/ adalah fonem frikatif uvular tetapi /R/ dalam BPS pula adalah getaran uvular.



### 6.1.6. Analisis Kontrastif Fonem Separuh Vokal BMS Dan BPS

Fonem–fonem separuh vokal palatal /j/ dan separuh vokal labio-velar /w/ hadir dalam kedua-dua BMS dan BPS. (rujuk rajah 17) Dari segi penyebaran, dalam BMS fonem separuh vokal palatal /j/ dan separuh vokal

Rajah 17: Fonem Separuh Vokal BMS dan BPS

Dacrah Cara Pengeluaran Pengeluaran		Palatal		Labio-Velar	
		BMS	BPS	BMS	BPS
Separuh Vokal	TBS				
	BS	j	j	w	w

Nota: TBS: Tidak Bersuara  
BS : Bersuara

labio-velar /w/ hadir pada posisi awal, tengah dan akhir kata. Dalam BPS, /j/ hadir di posisi tengah dan akhir kata manakala /w/ hanya hadir di posisi akhir kata. Contoh:

a) Fonem Separuh Vokal Palatal /j/

BMS

/j/ - /juran/ yuran	/kaja/ kaya	/piawaj/ piawai
------------------------	----------------	--------------------

BPS

/j/ - /fɔ̌ju/	/paj/
<i>feio</i>	<i>pai</i>
(hodoh)	(bapa)

b ) Fonem Separuh Vokal Labio-Velar /w/

BMS

/w/ - /waɣ̌ar/	/rawa/	/baw/
wajar	rawa	bau

BPS

/w/- /paw/  
*pau*  
(kayu)

Jadual 6 ( v ) : Kontras Fonem Separuh Vokal BMS Dan BPS

### 6.1.7. Analisis Kontrastif Fonem Rangkap Konsonan BMS Dan BPS

Terdapat perbezaan di antara rangkap konsonan dalam BMS dan BPS. Dalam BMS, rangkap konsonan hadir disebabkan oleh pengguguran fonem pepet /ð/ dalam BMS lisan. Namun dalam BMS bertulis fonem pepet /ð/ dikekalkan. Contoh:

sastera-----[ sastra]

isteri-----[istri]

Dalam sistem fonologi BPS kehadiran rangkap konsonan adalah lebih kerap. Namun begitu, pelajar-pelajar Melayu kurang menghadapi masalah sebutan bagi rangkap konsonan kerana sudah biasa dengan rangkap konsonan yang wujud dalam kata pinjaman dari bahasa Inggeris. Dari segi penyebaran, rangkap konsonan dalam BMS dan BPS mempunyai penyebaran yang sama iaitu di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

BMS

proses

stor

transkripsi

diskriminasi

BPS

claro (jelas)

grosso (kasar)

atrás (di belakang)

vidro (kaca)

sempre (selalu)

Jadual 6 (vi) : Kontras Fonem Rangkap Konsonan BMS Dan BPS

## 6.2. Analisis Kontrastif Fonem Vokal BMS Dan BPS

BMS mempunyai 6 vokal manakala BPS mempunyai 9 vokal oral dan 5 vokal nasal. (rujuk rajah 18) Dalam BMS terdapat enam vokal oral iaitu /i/, /e/, /ə/, /a/, /u/, /o/. Dalam BPS terdapat lebih banyak vokal berbanding dengan BMS. Dalam BPS vokal oral ialah /i/, /e/, /ɛ/, /o/, /u/, /ɔ/, /a/, /ɑ/, /ə/ dan vokal nasal ialah /ĩ/, /ẽ/, /õ/, /ũ/, /ã/. Vokal yang sama iaitu vokal yang wujud dalam BMS dan juga BPS ialah /i/, /e/, /ə/, /u/, /o/, /a/ manakala vokal yang berbeza iaitu vokal yang hanya wujud dalam BPS ialah /ĩ/, /ẽ/, /ũ/, /õ/ dan /ã/. Analisis kontrastif ini akan dibuat berdasarkan vokal depan, vokal tengah dan vokal belakang.

### 6.2.1. Analisis Kontrastif Fonem Vokal Depan BMS Dan BPS

Fonem-fonem vokal oral depan yang wujud bersama dalam BMS dan BPS ialah vokal depan sempit /i/ dan vokal depan separuh sempit /e/.

Fonem /i/ dalam BMS dan BPS hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Fonem-fonem vokal /a/ dalam BMS digolongkan ke dalam vokal depan luas tetapi dalam BPS /a/ digolongkan sebagai vokal tengah. Vokal depan separuh sempit /e/ dalam BMS hadir pada posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata dan tertutup. Dalam BPS /e/ hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Contoh:

Rajah 18: Fonem Vokal BMS dan BPS

	BMS			BPS		
	Depan	Tengah	Belakang	Depan	Tengah	Belakang
Sempit	i		u	i	ə	u
Separuh Sempit	e	ə	o	e	ɑ	o
Separuh Luas						
Luas	a				ɑ	

a) Fonem Vokal Depan Sempit Oral /i/

BMS

/i/-	/ikat/	/didal/	/bisin/	/duri/
	ikat	didal	bising	duri

BPS

/i/-	/idaɣɑ/	/lizu/	/abrir/	/li/
	<i>ideia</i>	<i>liso</i>	<i>abrir</i>	<i>li</i>
	(idea)	(licin)	buka	(saya membaca-kala lampau)

b) Fonem Vokal Depan Separuh Sempit Oral /e/

BMS

/e/ -	/eka /	/beta/	/toreh/
	eka	beta	toreh

BPS

/e/-	/ekoloʒia/	/medu/	/komer/	/ve/
	<i>ecologia</i>	<i>medo</i>	<i>comer</i>	<i>vê</i>
	(ekologi)	(takut)	(makan)	(dia lihat-kala kini)

c) Fonem Vokal Depan Separuh Luas Oral /ɛ/

BPS

/ɛ/ -	/εpoca/	/levɔ/	/mulɛr/	/sope/
	<i>época</i>	<i>leve</i>	<i>mulher</i>	<i>sopé</i>
	(zaman)	(ringan)	(wanita)	(kaki)

Jadual 6 ( vii) : Kontras Fonem Vokal Depan BMS Dan BPS

### 6.2.2. Analisis Kontrastif Fonem Vokal Belakang Oral BMS Dan BPS

Fonem vokal belakang oral yang wujud dalam kedua-dua BMS dan BPS ialah vokal belakang sempit /u/ dan vokal belakang separuh sempit /o/. Fonem /o/ wujud dalam BPS tetapi /o/ hanya wujud dalam dialek-dialek bahasa Melayu.

Dari segi penyebaran, fonem /u/ dalam BMS hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Fonem /o/ dalam BMS hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata tertutup. Dalam BPS, fonem /u/ hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka. Fonem /o/ hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan di akhir kata terbuka dan tertutup. Fonem /o/ hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Contoh:

a) Fonem Vokal Belakang Sempit Oral /u/

BMS			
/u/ -/lumrah/	/udaŋ/	/garu/	/bantun/
lumrah	udang	garu	bantun

BPS		
/u/- /uniãw/	/tudu/	/lẽsu/
união	tudo	lenço
(kesatuan)	(semua)	(sapu tangan)

b) Fonem Vokal Belakang Separuh Sempit Oral /o/

BMS

/o/-	/olah/	/kobar/	/dorɔŋ/
	olah	kobar	dorong

BPS

/o/ - /ovɯ/	/sopa/	/tradutor/	/avo/
ovo	sopa	tradutor	avô
(telur)	(sup)	(penterjemah)	(datuk)

c) Fonem Vokal Belakang Separuh Luas Oral /ɔ/

BPS

/ɔ / - /ɔkej/	/mɔdu/	/vɔs/	/sɔ /
hóquei	modo	voz	só
(hoki)	(cara)	(suara)	(hanya)

Jadual 6 ( viii) :Kontras Fonem Vokal Belakang BMS Dan BPS

### 6.2.3. Analisis Kontrastif Vokal Tengah Oral BMS Dan BPS

Terdapat satu perbezaan di antara fonem vokal tengah oral BMS dan BPS. Bagi BMS vokal tengah ialah /ə/ manakala bagi BPS vokal tengah ialah /a/, /ɑ/ dan /ə/.

Dari segi penyebaran vokal tengah /ə/ BMS hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup. Dalam BPS, /ə/ hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan biasanya dalam sukukata yang tidak ditegaskan (átonas). Manakala bagi vokal tengah /a/ BPS hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan biasanya hadir dalam sukukata yang ditegaskan (tónica). /ɑ/ dalam BPS hadir di posisi awal kata



terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka khususnya dalam suku kata yang tidak ditegaskan. Contoh:

a) Fonem Vokal Tengah BMS /ə/

/ə/ - /ənam/	/təmpah/
enam	tempah

b) Fonem Vokal Tengah BPS /a/

/a/ - /almə/	/salə/	/pa/
alma	sala	pá
(jiwa)	(bilik)	(penyodok)

c) Fonem Vokal Tengah BPS /α/

/α/ - /αʒudar/	/ʒαnɛlα/	/kazα/
ajudar	janela	casa
(menolong)	(jendela)	(rumah)

d) Fonem Vokal Tengah BPS /ə/

/ə/ - /əstudar/	/lɔgar/	/tardə/
estudar	legar	tarde
(belajar)	(mewariskan)	(petang)

Jadual 6 ( ix ) : Kontras Fonem Vokal Tengah BMS Dan BPS

### 6.3. Analisis Kontrastif Fonem Rangkap Vokal BMS Dan BPS

Rangkap vokal ialah satu kumpulan dua atau lebih vokal yang hadir berurutan tetapi setiap vokal mempunyai ciri satu sukukata. Rangkap vokal wujud dalam kedua-dua BMS dan BPS.

Dari segi penyebaran, rangkap vokal BMS hadir pada posisi tengah kata dan akhir kata. Dalam BPS, rangkap vokal hadir pada posisi awal dan akhir kata. Contoh:

#### Rangkap Vokal BMS Dan BPS

Awal kata	tengah kata	akhir kata
BMS	/siap/ siap	/ria/ ria
BPS		
/æreu/ aéreo (udara)		/boa/ boa (baik)

Jadual 6 ( x ) : Kontras Fonem Rangkap Vokal BMS Dan BPS

Secara umumnya, pengeluaran rangkap vokal BPS tidak menimbulkan masalah bagi pelajar Melayu. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dari segi

penyebaran rangkap vokal iaitu rangkap vokal BPS hadir di posisi awal dan akhir kata manakala penyebaran rangkap vokal BMS hanya hadir di posisi tengah dan akhir sahaja, namun, pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah penyebutan kerana sudah membiasakan diri dengan rangkap vokal sejak kecil lagi dan rangkap vokal bukan fonem yang asing bagi mereka.

#### **6.4. Analisis Kontrastif Diftong BMS Dan BPS**

Dalam BMS hanya terdapat tiga diftong iaitu /aj/, /aw/, /oj/. Dalam BPS terdapat lebih banyak diftong. Diftong oral BPS ialah /aj/, /aw/, /ɛj/, /ɑj/, /ɛw/, /ew/, /iw/, /ɔj/, /oj/, /ow/, /ui/. Di samping diftong oral terdapat juga diftong nasal iaitu / $\tilde{\alpha}$ j/, / $\tilde{\alpha}$ w/, / $\tilde{\delta}$ j/, / $\tilde{u}$ j/. Persamaan yang wujud di antara diftong BMS dan BPS ialah /aj/, /aw/, /oj/. Perbezaan yang paling ketara di antara diftong BMS dan BPS ialah diftong nasal.

#### **6.5. Analisis Kontrastif Triftong BPS**

Triftong terdiri daripada separuh vokal + vokal + separuh vokal. Triftong hanya wujud dalam BPS. Terdapat dua jenis triftong iaitu triftong oral dan triftong nasal. Pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah penyebutan dalam triftong oral kerana cara penyebutan dalam triftong oral adalah sama dengan cara penyebutan diftong oral yang juga wujud dalam BMS. Sebaliknya untuk triftong nasal BPS pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah kerana cara penyebutan untuk triftong nasal

adalah sama dengan cara penyebutan untuk diftong nasal. Diftong nasal hanya wujud dalam BPS dan tidak wujud dalam BMS. Jadi, pelajar-pelajar Melayu tidak mendedahkan diri kepada diftong nasal dan triftong nasal. Apabila mempelajari BPS mereka akan menghadapi masalah tentang triftong nasal ini.